

Tiada halangan ambil alih syarikat – Abdullah

UM- 19/6/2007

KUALA LUMPUR 18 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak akan mengenakan peraturan yang boleh menghalang sesebuah syarikat daripada diambil alih.

Perdana Menteri berkata, jika peraturan dikenakan, ia akan mengurangkan minat syarikat-syarikat lain memohon untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Beliau berkata, keadaan itu sekali gus menyebabkan pelabur asing kurang berminat untuk melabur di negara ini.

Menurut beliau, bukti amat sedikit bagi menyokong hujah bahawa urusan pengambilalihan atau pengambilalihan membawa kepada aliran keluar dana daripada pasaran domestik.

“Hasil kutipan daripada tawaran pengambilalihan biasanya dialirkan semula ke dalam pasaran oleh pelabur Malaysia dan antarabangsa yang lazimnya berminat untuk mengekalkan pelaburan dalam aset pasaran modal negara ini,” kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam jawapan

bertulis pada soalan **Salahudin Ayub (Pas-Kubang Kerian)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Salahudin ingin tahu apakah langkah kerajaan untuk menghalang Maxis Communication Bhd., dijual kepada kepentingan luar negara terutama dari Singapura setelah dimilikperibadikan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, pasaran saham wujud antara lain adalah untuk syarikat-syarikat merealisasikan nilai mereka dan bagi pelabur memperoleh keuntungan daripada pelaburan mereka.

“Oleh itu pasaran mesti memberi laluan kepada aktiviti korporat, umpamanya pengambilalihan dan pencantuman, yang boleh meningkatkan nilai syarikat-syarikat tersenarai.

“Dengan itu akan dapat membantu pasaran menjadi lebih cergas,” kata beliau.

Kerajaan kata beliau, tidak bertanggungjawab dalam menentukan syarat bagi pemilikan ekuiti kerana tanggungjawab itu

terletak kepada kementerian atau agensi pelesenan.

Abdullah berkata, apabila sesebuah syarikat diswastakan, perubahan dan pemilikan ekuiti masih tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh kementerian atau agensi berkenaan.

Katanya, ketika pelaksanaan sesuatu penswastaaan, orang awam atau pelabur runcit berpeluang mendapat manfaat daripada tawaran harga yang biasanya lebih tinggi daripada harga pasaran bagi saham-saham mereka.

“Satu kajian yang dilakukan oleh *The Edge Financial Daily* menunjukkan harga tawaran bagi 17 tawaran tunai yang lalu adalah sebanyak 21 peratus lebih tinggi daripada harga seminggu sebelum penggantungan saham tersebut,” kata beliau.

Beliau berkata, pelabur boleh menolak sekiranya mereka merasakan bahawa tawaran itu tidak menarik.

“Kerajaan akan memastikan supaya ta-

waran itu adil bagi pelabur minoriti dan mematuhi undang-undang serta peraturan sekuriti manakala syarikat-syarikat melaksanakan tadbir urus yang baik,” katanya.

Menurut beliau, pasaran pengambilalihan yang aktif tanpa mengira sama ada syarikat itu mengekalkan status penyena-raian atau menjadi persendirian, boleh mewujudkan pasaran cergas, yang kemudiannya akan menarik lebih banyak pelabur mencari peluang lain dalam pasaran.

Beliau memberikan contoh, seminggu setelah pengumuman langkah Maxis tersebut, harga saham seperti Digi dan Telekom Malaysia (TM), juga saham-saham lain yang berkaitan dengan indeks telah meningkat.

Katanya, ia berlaku apabila para pelabur mula mengubah suai portfolio masing-masing dengan mengambil kira perubahan yang mendatang dalam komposisi pasaran saham.